

KENYATAAN MEDIA

THE PUTERI PACIFIC JOHOR BAHRU TURUT SERTA BANTU MANGSA TSUNAMI JEPUN

Johor Bahru, Johor, 29 Mac 2011. The Puteri Pacific Johor Bahru, dengan kerjasama Bulan Sabit Merah Malaysia (MRCS) telah menyediakan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi dan Tsunami di Jepun bagi mereka yang simpati dan prihatin kepada mangsa-mangsa bencana di negara Matahari terbit itu.

Tabung berkenaan telah diletakkan di sekitar lobi hotel dan dirasmikan oleh Encik Mohamad Mazlan Ali, Timbalan Ketua Eksekutif, Bahagian Hospitaliti Johor Corporation. "Bagi mencapai matlamat untuk membantu mangsa-mangsa di Jepun, program kutipan untuk mengisi tabung ini adalah terbuka kepada semua warga kerja hotel dan pelanggan-pelanggan yang berkunjung ke hotel kami", kata Encik Mohamad Mazlan.

Hasil sumbangan ini akan dihulurkan terus kepada pihak MRCS sebagai badan yang dipertanggungjawabkan untuk membantu mangsa-mangsa di Jepun.

Turut serta dalam peletakan tabung berkenaan ialah Pengurus Persada Johor, Encik Mohamed Yazid Abdullah; Ketua Kawalan Keewangan Puteri Hotels, Puan Hamidah Hassan; Pembantu Kawalan Keewangan; Puan Bazlin Ahmad dan Eksekutif Selia Bilik, Encik Fadhi Darus.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi & Pemasaran,

The Puteri Pacific Johor Bahru/

Pusat Konvesnyen Antarabangsa Persada Johor

Jalan Abdullah Ibrahim

80730 Johor Bahru

Tel : 07- 219 9999/ 07-219 8888

Faks : 07-227 9876

Website : www.puteripacific.com / www.persadajohor.com